

# KEWUJUDAN ALLAH MENURUT PENDEKATAN AL-QUR'AN

Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Bin Abdul Sukor  
Fakulti Usuluddin, Akademi Islam  
Universiti Malaya

*The discussion of the article is concentrated on the idea of the existence of Allah according to the Quran.*

## Pendahuluan

Objektif utama penurunan wahyu al-Qur'an adalah untuk memperakukan kewujudan Allah dengan sifat-sifat keesaan dan kekuasaan-Nya. Berbagai golongan manusia dengan pemikiran dan tanggapan yang berbeza-beza terhadap kewujudan Allah, ada yang memperkongsikannya dengan plinit-plinit di langit dan ada pula yang memperkongsikannya dengan manusia sendiri.

Kaum *Ahl al-Kitab* yang terdiri dari Yahudi dan Nasara mempersekutukan Allah dengan insan sendiri sebagai anak-anak-Nya,<sup>1</sup> bahkan kaum Nasara melampaui kepada kepercayaan tiga tuhan,<sup>2</sup> manakala Arab jahiliyah pula mempercayai wujudnya Allah, sambil mempersekutukan-Nya dengan berhala-

---

<sup>1</sup> *al-Tawbah* (9): 30.

<sup>2</sup> *al-Ma'idah* (5): 72.

berhala yang terdiri dari pelbagai rupa, bentuk dan nama,<sup>1</sup> hingga dikatakan pada setiap kabilah dan rumah ada berhalanya masing-masing.<sup>2</sup>

Di tengah-tengah timbunan sampah sarap dan keladak Jahiliah ini, Islam menumpukan perhatiannya untuk membebaskan manusia dari pencemaran akidah dan serentak itu juga memimpin mereka mempercayai kewujudan Allah yang Maha Esa, dengan pendekatan-pendekatannya yang istimewa, berlandaskan akal fitrah manusia yang semula jadi.

Kesesuaian al-Qur'an dengan manusia tetap kekal dan tidak berubah, sekalipun manusia berubah dan bertukar generasi demi generasi. Justeru itu, pendekatannya sentiasa dirasa indah, menarik dan tepat dengan hati yang menjadi sasarannya. Menurut Sayyid Qutb: Hati adalah antara ciptaan Allah, hati ada yang celik dan ada yang buta, ada yang terkunci dan ada yang terbuka. Bagi hati-hati yang buta dan terkunci, tidak boleh dibuka kecuali dengan kunci yang juga dicipta Allah dan dengan penawarnya yang mujarrab. Di dalam alam buana yang kaya raya dengan plinit-plinit di alam atasnya dengan pokok-pokok dan haiwan di alam buminya, semuanya ini merupakan kunci-kunci kepada hati-hati yang terkunci dan buta dari hidayat Allah.<sup>3</sup>

Al-Qur'an memperkatakan kunci-kunci ini secara terperinci, sesuai dengan hati dan akal. Jika penggunaan mengikut cara dan aturannya, pasti terbuka ikatan. Justeru itu Allah merujuk golongan yang suka melakukan durjana di bumi ini sebagai orang yang bertelinga tuli dan bermata buta, Allah berfirman yang bermaksud:

"Mereka yang dilaknat oleh Allah, serta dituliskan pendengaran mereka dan dibutakan penglihatannya. Maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Qur'an? atautah telah ada di atas hati mereka kunci penutup yang menghalangnya daripada menerima ajaran al-Quran?"<sup>4</sup>

Beriman kepada kewujudan Allah serta keagungan-Nya sering terkunci kepada setengah insan yang fitrahnya tercemar. Soalnya bagaimana al-Qur'an membuka pintu-pintu hati yang terkunci ini, dan apa pendekatannya.

---

<sup>1</sup>*an-Najm*: (53): 19-28.

<sup>2</sup>Al-Kalabi, *al-Asnam*, hal. 34.

<sup>3</sup>*Fi Zilal al-Qur'an*, terj. Dato Yusof Zaki Yaakub, 1/21.

<sup>4</sup>*Muhammad* (47): 23-24.

## **Pendekatannya Rasional**

Al-Qur'an sebagai pembuka pintu-pintu hati yang terkunci, selalunya logik dan rasional dalam pendekatannya, iaitu ketika memperkatakan kepercayaan terhadap banyak tuhan, berhala dan pujaan-pujaan selain Allah. Al-Qur'an membawa kita sama-sama berfikir, bagaimana akibat kepercayaan terhadap banyak tuhan, berhala-hala dan pujaan-pujaan terhadap selain Allah.

Al-Qur'an menyatakan akibatnya yang terlalu berat untuk dipenuhi seorang yang menganut kepercayaan ini terhadap tuhan-tuhannya. Mereka terpaksa melakukan pelbagai ibadat, membayar berbagai jenis nazar dan banyak kurban bagi mendapatkan keredaan semua tuhannya. Lain halnya dengan mereka yang hanya percaya kepada Allah yang Maha Esa dan kepada-Nya jua segala permohonan ditujukan. Pendekatan serupa ini pernah ditujukan kepada kaum musyrikin di dalam firman-Nya yang membawa maksud:

"Adakah memuja dan menyembah berbilang-bilang tuhan bercera berai itu lebih baik atau menyembah Allah Tuhan Yang Maha Esa, lagi Maha Kuasa (yang lebih baik)?"<sup>1</sup>

Ayat ini mendedahkan perbezaan yang sungguh jauh antara penyembahan yang dilakukan terhadap banyak tuhan dengan yang dilakukan terhadap satu tuhan. Penyembahan terhadap banyak tuhan menyulitkan insan yang berurusan dengannya, kerana ia terpaksa melayani pelbagai kehendak dari berbagai tuhan. Sebaliknya penyembahan terhadap satu tuhan, lebih senang dan mudah dilakukan, kerana ketiadaan persaingan antara tuhan-tuhan.

## **Alam Buana Sebagai Pembuka Kunci**

Insan yang menghalakan mata dan pandangan hatinya kepada alam buana disekelilingnya yang indah dan menawan perasaan, serta berfikir pada rahsia-rahsia kejadiannya, akan terbukalah mana-mana saluran hati yang tersumbat dari ditembusi nur iman, akan mendorongnya beriman kepada Allah yang Maha Esa, suara-suara halus akan memperdengarkan suatu pertimbangan yang rasional dan tepat, seperti yang dinyatakan di dalam firman-Nya yang membawa maksud:<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Yusuf (12): 39-40.

<sup>2</sup>al-Anbiya' (21): 39-40

"Adakah objek-objek dari bumi yang mereka jadikan sebagai tuhan itu, dapat menghidupkan semula sesuatu yang mati? Kalau ada di bumi ini dilangit tuhan-tuhan yang lain dari Allah, necaya rosaklah pentadbiran kedua-duanya."<sup>6</sup>

Imam Muhammad Abduh (1849-1905M.) menafsirkan ayat di atas, katanya: Pentadbiran oleh banyak tuhan terhadap alam ini, menyebabkan kemungkinan banyak berlakunya krisis antara tuhan-tuhan, kerana perbezaan ilmu dan kemahuan antara satu dengan lain. Malah alam buana ini pun tidak mungkin wujud, akibat krisis yang berlaku antara tuhan-tuhan.<sup>1</sup>

Keterangan di dalam ayat di atas mengenai kerosakan alam, akibat pentadbiran banyak tuhan, mungkin belum memuaskan hati mereka yang tinggi daya intelektualnya untuk menolak kepercayaan terhadap banyak tuhan dan seterusnya menerima kepercayaan tauhid. Untuk mereka Allah berfirman yang membawa maksud:

"Allah tidak sekali-kali mempunyai anak, dan tidak ada sama sekali sebarang tuhan bersama-sama-Nya. Kalaulah ada banyak tuhan tentulah tiap-tiap tuhan itu akan menguasai dan menguruskan segala yang diciptakannya dengan bersendirian, dan tentulah setengahnya akan bertindak mengalahkan setengahnya yang lain. Maha Suci Allah dari apa yang dikatakan oleh musyrikin itu."<sup>2</sup>

### Ciptaan Alam Buana Yang Mengkagumkan

Alam buana yang terdiri dari pelbagai plinit, kaya dengan segala jenis objek yang mengkagumkan. Insan yang meneroka bidang ini, dengan niat membuka mata dan pandangan hati kepada ciptaan-ciptaan Allah yang serba indah, akan membebaskan diri dan pemikirannya dari taklid buta kepada kepercayaan karut dan khurafat. Allah menjelaskan keterbukaan pemikiran mereka yang memerhatikan kejadian alam buana ini dengan firman-Nya yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya jika engkau bertanya kepada mereka yang musyrik itu: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, memudahkan matahari dan bulan untuk faedah makhluk-makhluk-Nya? Sudah tentu mereka akan menjawab "Allah ". Maka

---

<sup>1</sup>Risalah al-Tawhid, Kaherah, 1970, hal. 45.

<sup>2</sup>al-Mu'minin (23): 91.

bagaimana mereka tergamak dipalingkan oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintah-Nya. Allah memewahkan rezeki bagi sesiapa yang dikehendakinya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan rezeki itu baginya. Sesungguhnya Allah Amat Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu. Dan sesungguhnya jika engkau bertanya kepada mereka yang musyrik itu: Siapakah yang menurunkan air hujan dari langit, lalu Ia hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya? Sudah tentu mereka akan menjawab Allah. Ucapkanlah: Alhamdulillah! Sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian, bahkan kebanyakan mereka tidak memahami hakikat tauhid dan pengertian syirik itu.<sup>1</sup>

Ayat-ayat ini menumpukan sasarannya kepada kaum musyrikin mengenai kejadian-kejadian langit, bumi, matahari, bulan serta fungsi masing-masing. Mereka sedia mengetahui bahawa berhala-berhala yang mereka sembah tidak dapat mencipta ataupun dari kejadian-kejadian itu, hanya Allah jua yang menciptakannya. Tetapi mengapa mereka tergamak mempersekutukan berhala-berhala itu dengan Allah. Persoalan seumpama ini dimajukan kepada akal, bagi mendapat respon sama ada serasi atau bertentangan dengan kewarasanya.<sup>2</sup>

Persoalan-persoalan siapa pencipta langit, bumi dan benda-benda yang disediakan di dalamnya, kerap diulangi di dalam al-Qur'an. Tujuannya ialah supaya hati dan akal selalu diperdengarkan dengan soalan-soalan yang boleh membuka hati dan pandangan mata hati yang terkunci.<sup>3</sup>

Berfikir adalah suatu keperluan bagi mereka yang hidup, namun begitu bukan semua orang berfikir dapat memecahkan permasalahannya. Meskipun alam ini dikagumi ciptaannya, tetapi tidak semua orang mengkaguminya, ini disebabkan akal yang ada terlalu singkat untuk berfikir, tambahan pula jika ia sendiri tidak minat mencari dan menyelidik sesuatu yang majhul.

Justeru al-Qur'an kitab manusia yang mengandungi penawar dan rahmat, sesuai dengan semua peringkat dan aliran pemikiran, maka masing-masing mempunyai bahagiannya yang ditetapkan; golongan yang rendah tahap pemiki-

---

<sup>1</sup>an-`Ankabut (29): 61-63.

<sup>2</sup>Al-Zamakhsyari, Mahmud Jaru'llah, *al-Kasysyaf`an Haqa'iq al-Tanzil*, Kaherah, 1966, 3/211.

<sup>3</sup>Antaranya di dalam surah Luqman (31): 25; *al-Zumar* (39): 38, *al-Zukhruf* (43): 9. Jawapan kepada semua soalan itu adalah sama, iaitu Allah yang menciptakan semuanya itu.

ran diberikan yang rendah dan dekat dengan mata dan pandangan hati, manakala yang lebih tinggi, disediakan bahagian yang lebih tinggi dan jauh. Khusus kepada golongan yang rendah dan memerlukan yang mudah-mudah sahaja memikinya, dikemukakan dalil-dalil *Ardi* seperti berikut:

"Allah menjadikan langit dan bumi dengan cara yang sungguh layak dan berhikmah, Maha sucilah Allah dari perbuatan Syirik yang mereka lakukan. Ia menciptakan manusia dari titisan air mani, kemudian setelah sempurna kejadiannya, tiba-tiba menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahan-bantahannya."<sup>1</sup>

Menerusi ayat-ayat ini, Allah mengumpulkan dua jenis pendekatan bagi membuktikan kewujudan-Nya, pertama dalil-dalil langit dan bumi yang mengagumkan dan kedua dalil manusia sendiri yang dijadikan Allah dari titisan air mani yang jijik dan dipandang hina. Tujuan dua bahagian dalil ini adalah jelas, iaitu supaya sistemnya yang tersusun rapi adalah amat dikagumi, dengan itu penciptanya tidak wajar sama sekali dipersekutukan. Penciptaan manusia dari titisan air mani yang hina dan kemudiannya merupakan makhluk yang keras dan suka berbantah, juga memberi peluang kepada akal mempertimbangkan dengan adil apakah sikap yang sepatutnya diambil oleh dirinya terhadap Allah yang mencipta.

### **Mengasah Akal Berfikir Secara Logik**

Hati yang tersumbat dan mati hati yang tertutup, kadangkala sukar juga dibuka, sekalipun keuncinya sedia ada. Ini disebabkan akalunya tidak menjalankan fungsinya dengan baik, iaitu berfikir dan mendalami fikirannya ke arah topik-topik yang membantunya untuk mendapatkan jawapan dengan mudah. Atas dasar ini, al-Qur'an mencari jalan mengasah akan dengan meminta jawapan kepada satu persoalan yang berbangkit antara dua insan yang mempersekutukan Allah dan yang tidak mempersekutukan-Nya. Apakah faedah yang didapati oleh orang yang mempersekutukan Allah dari tuhan-tuhan yang dipersekutukan itu? Jika tiada apa-apa faedah, maka apa perlunya ia dijadikan sekutu-sekutu Allah. Cuba kita sama perhatikan firman Allah yang membawa maksud berikut:

"Tanyalah wahai Muhammad! Siapakah tuhan yang memelihara dan mentadbirkan langit dan bumi? Jawablah: Allah! Bertanyalah lagi: Kalau demikian, patutkah kamu menjadikan benda-benda yang daripada-Nya sebagai penolong-penolong dan pembantu yang tidak dapat mendatangkan sebarang menafaat

---

<sup>1</sup>*al-Nahi*: (16): 3-4.

bagi dirinya sendiri, dan tidak dapat menolak sesuatu bahaya? Bertanyalah lagi: Adakah sama orang yang buta dengan orang yang celik? atau adakah sama, gelap gelita dengan terang? atau adakah makhluk-makhluk yang mereka jadikan sekutu bagi Allah itu telah menciptakan sesuatu seperti ciptaan-Nya, sehingga ciptaan-ciptaan itu menjadi kesamaran kepada mereka? Katakanlah: Allah jualah yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang Maha Esa lagi Maha Kuasa."<sup>1</sup>

Akal yang diasah dengan soalan-soalan ini, akan berfungsi dengan baiknya ketika menjawab soalan-soalan itu, iaitu tidak wajarnya objek-objek yang tidak mendatang sebarang menafaat dijadikan sebagai tuhan dan disembah, padahal akal telah memberi jawapannya sejak awal-awal lagi bahawa langit dan bumi adalah ciptaan Allah. Bagi memastikan hati-hati yang terkunci terbuka, al-Qur'an mengukuhkan lagi penekanannya dengan mengemukakan bandingan antara dua perkara yang jauh bezanya, iaitu perbezaan antara celik dan buta dan antara siang dan malam. Bahkan sekaligus pula menyindir mereka yang beralak, tetapi gagal membezakan antara dua keadaan ini.

Dari ayat-ayat yang memperkatakan kewujudan Allah menerusi dalil-dalil *'aqli* yang membuktikan ketidak wajarnya menyembah unsur-unsur alam buana kepada kewajaran beribadat kepada Allah Yang Maha Esa. Pemerhatian yang mendalam kepada ciptaan langit dan bumi membuka akal dan hati memahami keindahan ciptaan, memberinya kehalusan perasaan dan kecintaan yang mendalam terhadapnya, kerana alam ini semuanya dicipta Allah dan sebahagian dari tanda-tanda kebesaran-Nya.

Insan akan memahami bahawa alam *tabi'i* ini dicipta bukan untuk bermusuhan dengan manusia, tetapi untuk kemudahannya serta membantunya melaksanakan tugas-tugasnya sebagai khalifah Allah di bumi. Setiap ciptaan Allah di dalam alam ini mempunyai lidah-lidahnya sendiri memuji-muji Allah dengan bahasa yang tidak difahami akal manusia yang terbatas ini. Maksud firman Allah:

"Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih baginya; dan tiada sesuatu-pun melainkan bertasbih dengan memujinya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka."<sup>2</sup>

Alam buana ciptaan Allah ini tidak membawa apa-apa keburukan

---

<sup>1</sup> *al-Ra'd* (13): 16.

<sup>2</sup> *al-Isra'* (17): 44.

kepada insan, tidak perlu dimusnahkan dengan segera. Alam ini adalah kitab Allah yang terbuka kepada semua untuk dibaca tanda-tanda kekuasaan Allah, rahmat-Nya, kebesaran-Nya dan nikmat-Nya.<sup>1</sup>

Orang mukmin adalah orang-orang yang nampak kebesaran Allah pada alam *tabi'i* ini, orang-orang yang selalu membaca dengan senyap ciptaan Allah ini dengan perasaannya, firman-Nya yang bermaksud:

"Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda kekuasaan bagi orang-orang yang berakal; iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk, dan semasa mereka berdiri mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata: Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadi benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau."<sup>2</sup>

Sebaliknya pula, Allah menempelak golongan manusia yang berpaling dari meneliti tanda-tanda kebesaran itu, sekalipun setiap hari dan setiap petang dibuka di hadapannya, firman-Nya yang bermaksud:

"Dan berapa banyak tanda-tanda kekuasaan Allah di langit dan di bumi yang mereka menyaksikannya berulang-ulang semasa mereka pergi dan datang, sedang mereka tidak juga menghiraukannya."<sup>3</sup>

Allah menjanjikan insan yang banyak memerhatikan alam buana ini untuk diperlihatkan lebih banyak lagi rahsia-rahsia yang tersembunyi, sama ada di dalam alam yang luas ini mahupun pada diri mereka sendiri, firman-Nya yang bermaksud:

"Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat dalam alam yang terbentang luas ini, dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Qur'an adalah benar. Belumkah ternyata kepada mereka kebenaran itu dan belumkah cukup bahawa Tuhan kamu mengetahui dan menyaksikan tiap-tiap

---

<sup>1</sup> Al-Qaradawi, Yusuf, *Al-Iman wa al-Hayat*, Kaherah, 1977, hal. 166.

<sup>2</sup> *Ali Imran* (3): 190.

<sup>3</sup> *Yusuf* (12): 105.

sesuatu."<sup>1</sup>

Demikianlah pendekatan al-Qur'an tentang wujud Allah yang dapat disaksi di mana-mana jua. Maha Suci Allah yang sangat benar firman-Nya itu.

---

<sup>1</sup>*Fussalat* (41): 53.